

Walaupun anggota kumpulan 'jihad' di Asia Tenggara mengalami kekalahan di Marawi, Filipina, kehadiran pemimpin utama yang berterusan menimbulkan ancaman penganasan yang diperbaharui di rantau ini.

# Militan Asia Tenggara mungkin lancar serangan bagi papat IS masih wujud

► **BILVEER SINGH**

SATU faktor utama kehadiran pelbagai kumpulan 'jihad' di Asia Tenggara dan dunia ialah keupayaan mereka cepat membina semula pemimpin mereka setelah pembunuhan pemimpin mereka dalam operasi antipenganasan. Ini sebahagian besar bagi Al-Qaeda dan IS serta kumpulan jihad di Asia Tenggara seperti Jemaah Islamiyah dan Abu Sayyaf.

Dengan cara ini, penggantian semula kepimpinan menjadi bahagian penting dalam model pertubuhan kumpulan jihad, yang sebahagian besarnya menerangkan kesukaran memusnah mereka sepenuhnya.

## PENGEPUNGAN MARAWI

Pengumpulan Marawi, dari Mei hingga Oktober 2017, sangat penting kerana ia percubaan meniru dan memindahkan sebuah 'Mosul di Iraq' atau 'Raqqah di Syria' di Filipina, melambungkan jangkauan Abu Bakar al-Baghdadi di Asia Tenggara secara keseluruhan.

Ini gagal tetapi implikasinya amat penting bagi kepimpinan jihad di rantau Asia Tenggara.

Walaupun pengumpulan Marawi bermula dengan percubaan Pemerintah Filipina menangkap Isnilon Hapilon, Emir IS di Filipina, ia menjadi lebih buruk, dengan pihak berkuasa Filipina kehilangan kawalan ke atas Marawi City yang sangat simbolik kepada IS dan penyokongnya.

Ini kali pertama kumpulan penganas menawan sebuah wilayah di Asia Tenggara, apa lagi dalam suasana bandar dan menguasainya selama lima bulan. Ia sama seperti 'Mosul kecil' atau 'Raqqah kecil' di Filipina.

Masa lima bulan yang diambil untuk merampas semula Marawi City sebahagiannya disebabkan oleh kesulitan yang terlibat dalam peperangan di bandar, yang memberi manfaat kepada penganas yang bersembunyi di dalam rumah dan bangunan, dan menawan tebusan orang awam, termasuk wanita dan kanak-kanak.

Lebih 1,000 orang terbunuh, termasuk anggota keselamatan, orang awam dan penganas. Marawi City musnah teruk, menjadi tapak pertempuran paling berat di Filipina se-



Foto ANGKATAN BERSEJATA FILIPINA



Foto TRAC/YOUTUBE



Foto INTERNET

**PEMIMPIN BERTUKAR GANTI:** Kematian pemimpin militan Isnilon Hapilon dan Omarkhayam Maute di Marawi City tidak mengurangkan atau menghapuskan ancaman penganasan di rantau ini. Empat pemimpin utama menggantikan mereka. Tiga daripada mereka ialah (dari kiri) Amin Baco, Bahrumsyah dan Bahrur Naim.

jak Perang Dunia Kedua.

Dari sudut pandang kepimpinan kumpulan jihad, mungkin akibat paling penting daripada pengumpulan itu ialah kematian pemimpin utamanya, Isnilon Hapilon dan Omarkhayam Maute.

Ini tamparan hebat kepada kepimpinan kumpulan jihad di Filipina, terutamanya kumpulan pro-IS dan terus membawa kepada penamatan Pengumpulan Marawi.

Bagaimanapun, seperti yang diakui para pegawai antipenganasan di Malaysia dan Indonesia, "pertempuran mungkin berakhir tetapi perjalanan masih jauh dari segi perang (menentang penganasan)".

Hal ini terutama disebabkan oleh kemampuan kumpulan jihad memulihkan diri mereka dan bahkan lebih penting lagi, fakta bahawa banyak pemimpin kumpulan jihad utama masih hidup di Filipina dan di luar.

## PEMIMPIN JIHAD PASCA-MARAWI DI ASIA TENGGARA

Sementara 'Osamisme' dan

'Omarisme' berterusan pada zaman selepas Osama bin Laden dan Mullah Omar masing-masing di Al-Qaeda dan Taleban, begitu juga, landskap penganas di Asia Tenggara terus ditentukan oleh kehadiran anggota kumpulan jihad terkemuka di rantau ini.

Sementara Jemaah Islamiyah telah dipatahkan dengan kehilangan pemimpin utama seperti Imam Samudra, Noordin M Top, Azahari Husin dan Dulmatin, Ji terus relevan kerana kemampuannya menggantikan pemimpinnya.

Dengan cara yang sama, kematian Hapilon dan Omarkhayam tidak secara asasnya mengurangkan atau menghapuskan ancaman kumpulan jihad di rantau ini.

Empat pemimpin utama terus menjadi sumber inspirasi dan kepimpinan bagi anggota kumpulan jihad Asia Tenggara. Mereka ialah Amin Baco, Bahrumsyah, Abu Turaiife dan Bahrur Naim.

Amin Baco berketurunan Bugis dari Sulawesi, seorang rakyat Malaysia yang dilahirkan di Sabah yang

membina kewibawaan jihadi dalam pertempuran di Jolo dan Basilan di Mindanao. Beliau juga menantu dua komandan utama Abu Sayyaf, termasuk Hapilon.

Beliau pembuat bom terkemuka, berkarisma dan dihormati dalam kalangan anggota kumpulan jihad di Mindanao walaupun beliau tidak berasal daripada sembarang puak atau suku di Mindanao.

Amin pemimpin IS yang ditetapkan bagi Asia Tenggara dan penggantian Hapilon.

Bahrumsyah mungkin penganas paling terkemuka Indonesia, yang merupakan Emir daripada Katibah Nusantara, sebuah kumpulan kecil Asia Tenggara dalam IS. Dia antara beberapa rakyat Indonesia pertama yang menyokong al-Baghdadi dan IS, dan sangat dihormati dalam kalangan anggota kumpulan jihad.

Dia dipercayai masih berada di Syria sekarang.

Abu Turaiife, bekas anggota Pejuang Kebebasan Islam Bangsamoro (BIFB), pemimpin kumpulan yang dikenali sebagai Muhaajireen Wal

Ansar. Kumpulannya sebahagian daripada IS di Filipina. Turaiife berpangkalan di Wilayah Maguindanao dan kumpulannya telah beberapa kali bertempur dengan pasukan keselamatan dan kumpulan MILF.

Bahrur Naim anggota lebih rendah kumpulan jihad yang beroperasi di Iraq dan Syria. Walaupun dia telah dilatih menjadi pengebom bunuh diri di Syria, bakatnya lebih banyak di dunia maya, membina propaganda pro-ISIS dan video motivasi.

Ada pihak percaya bahawa video dalam talian itu memainkan peranan dalam merekrut penyokong IS di Indonesia, baik sebagai pejuang di Syria mahupun melakukan tindakan ganas di Indonesia.

Laporan yang tidak disahkan mengatakan Bahrur Naim sudah mati.

## IMPLIKASI BAGI KUMPULAN JIHAD ASIA TENGGARA

Anggota kumpulan jihad Asia Tenggara mirip ular banyak kepala, hidup kembali dan timbul semula

dengan cepat selepas operasi antipenganasan yang berjaya oleh pihak berkuasa.

Pada era pasca-Marawi Amin Baco dipercayai bersembunyi di Basilan atau Jolo dan mungkin merancang serangan balas pada masa akan datang. Hubungannya dengan penganas di Sulawesi dan Sabah, membuatnya, sebagaimana dinyatakan seorang penganalisis, anggota kumpulan jihad rentas tiga sempadan pertama di Asia Tenggara.

Ditambah kepada faktor Amin ialah kemungkinan Bahrumsyah pulang ke Asia Tenggara berikutan kekalahan IS di Timur Tengah, selepas kehilangan sebahagian besar wilayahnya di Iraq dan Syria.

Sekiranya Bahrur Naim masih hidup, dia dan Bahrumsyah mungkin pulang ke Indonesia atau mereka boleh melalui rantau Mindanao Filipina dan menghubungkan diri mereka dengan anggota kumpulan jihad pro-ISIS seperti Amin dan penyokongnya.

Satu rangkaian Bahrumsyah-Bahrur Naim bersama Amin Baco dapat memberi asas kuat bagi anggota kumpulan jihad Asia Tenggara pada era pasca-Marawi dan mewakili ancaman tinggi.

Ringkasnya, daripada sangat gembara pasca-Marawi, ada kemungkinan keselamatan Asia Tenggara menghadapi ancaman kewujudan lebih besar berbanding masa lalu.

Ada banyak sebab harus sangat berwaspada kerana pemimpin baru kumpulan jihad seperti Amin Baco, Bahrumsyah dan Bahrur Naim boleh terus mengancam pasca-Marawi.

Walaupun mereka mungkin sedang pulih daripada kekalahan di Timur Tengah dan Marawi, mereka mungkin mahu melancarkan serangan ganas baru untuk menunjukkan bahawa IS sentiasa wujud.

► Penulis Zamil Kanan Adjung, Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan Nasional (CENS), Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura dan Profesor Madya di Jabatan Sains Politik, Universiti Nasional Singapura.